

1.0 MAKLUMAT UTAMA DANA

1.1 Konsep Syariah

Wakalah Bil Istithmar

1.2 Mata wang Pelaburan

Ringgit Malaysia

1.3 Mula Diperkenalkan

15 Julai 2024

1.4 Klasifikasi Dana

Akaun Pelaburan Tidak Terhad merujuk kepada jenis akaun pelaburan yang mana pemegang akaun pelaburan (*Investment Account Holder (IAH)*) memberikan mandat kepada Bank untuk membuat keputusan muktamad bagi membuat pelaburan tanpa menetapkan sebarang sekat atau syarat tertentu.

1.5 Gambaran Keseluruhan Produk

Pelaburan impak berdasarkan nilai ini direka untuk memperkuuhkan ekonomi yang positif terhadap alam sekitar dan memastikan pertumbuhan inklusif di kalangan masyarakat kita. Selain memberikan pulangan kewangan kepada pelabur dan pelanggan pembiayaan, pelaburan ini juga memberi manfaat kepada penerima sumbangan atau zakat.

Pasaran pelaburan impak yang berkembang menyediakan modal untuk menangani cabaran-cabaran negara, termasuk menyokong sektor-sektor seperti tenaga boleh diperbaharui, pengangkutan bersih, serta perkhidmatan asas yang terjangkau dan mudah diakses seperti perumahan, penjagaan kesihatan, utiliti, dan pendidikan.

1.6 Objektif Pelaburan

Untuk menyediakan penyelesaian pelaburan yang berbeza berdasarkan kelas aset baru, melabur dalam pembiayaan bukan runcit dan selaras dengan matlamat Pembangunan Lestari Bangsa-Bangsa Bersatu (UN's Sustainable Development Goals (SDG)).

1.7 Strategi Pelaburan Dana

Pelaburan risiko sederhana untuk mencapai pemeliharaan modal dan pulangan yang stabil.

1.8 Ciri-Ciri Akaun Pelaburan

Akaun Pelaburan Berjangka yang membolehkan pelanggan melabur dengan tempoh pelaburan tetap selama dua puluh empat (24) bulan atau tiga puluh enam (36) bulan.

1.9 Butiran Aset Pelaburan

- Dana akan dilaburkan dalam pelbagai portfolio aset bukan runcit Bank, yang sejajar dengan objektif Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan klasifikasi rangka kerja Perubahan Iklim dan Taksonomi Berasaskan Prinsip (CCPT) Bank Negara Malaysia (BNM).
- Sektor tersebut antara lain terdiri daripada tenaga boleh diperbaharui, pembiayaan hijau, pengangkutan bersih, air bersih dan sanitasi, dan sektor yang menyumbang kepada matlamat bandar dan komuniti lestari.

1.10 Penilaian Aset Yang Diperuntukkan

Penilaian akan dijalankan setiap bulan sebagai sebahagian daripada proses untuk menentukan pulangan kepada pelabur. Pulangan daripada pelaburan ini dipengaruhi oleh prestasi aset yang diperuntukkan termasuk, tetapi tidak terhad kepada, kualiti aset (iaitu pembiayaan terjejas) dan pergerakan Kadar Keuntungan Efektif (EPR) berkaitan aset pembiayaan yang ditetapkan berdasarkan kaedah kadar terapung dan lain-lain. Amaun prinsipal dan pulangan tidak dijamin dan pemegang akaun pelaburan berhadapan risiko tidak mendapat sebarang pulangan. Akaun pelaburan ini tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).

Walau bagaimanapun, produk ini telah distruktur untuk mengurangkan risiko kehilangan prinsipal. Jika berlaku senario pencairan, pemegang akaun pelaburan akan diberi keutamaan berbanding pendeposit.

1.11 Polisi Pembayaran / Frekuensi Pembayaran Keuntungan

Keuntungan akan dibayar setiap enam bulan sekali.

1.12 Penyata Berhubung Sebarang Perubahan

Tiada perubahan pada objektif, strategi, sekatan dan had pelaburan dalam tempoh suku tahunan.

1.13 Profil Pelabur

- Bukan Runcit** (Tidak termasuk rakan kongsi antara bank, perniagaan tunggal, dan Usahawan Kecil dan Sederhana (SME)).
- Runcit** (terhad kepada Individu Berpendapatan Tinggi).

1.14 Risiko Pelaburan

Para pelabur dinasihatkan supaya mempertimbangkan semua faktor risiko dengan teliti sebelum membuat keputusan pelaburan. Pelabur akan berhadapan risiko berikut; risiko pasaran, risiko kredit, risiko kecairan, risiko operasi, risiko undang-undang dan risiko ketidakpatuhan Syariah. Untuk penjelasan lanjut mengenai setiap risiko, sila layari laman web Bank Islam.

Salah satu risiko utama yang unik kepada dana ini adalah risiko konsentrasi pelaburan. Risiko konsentrasi pelaburan adalah risiko yang timbul akibat pendedahan yang berlebihan kepada jenis aset tertentu, pihak tertentu, lokasi geografi tertentu, atau faktor lain yang boleh menyebabkan kerugian yang cukup besar sehingga mengancam kedudukan kewangan dana atau entiti tersebut. Oleh sebab pelaburan dalam aset bukan runcit, pendedahan dana kepada satu pihak adalah lebih tinggi, yang seterusnya meningkatkan risiko konsentrasi pelaburan justeru memberi kesan yang lebih buruk terhadap pulangan pelaburan sekiranya berlaku kemerosotan nilai aset. Sebagai usaha untuk mengurangkan risiko ini, risiko konsentrasi pelaburan dipantau dengan teliti pada peringkat aset pada setiap bulan untuk memastikan ia tidak melebihi 25% seperti yang digariskan dalam Kerangka Akaun Pelaburan Bank Negara Malaysia.

2.0 PENYATA RISIKO

Lembaga Pengarah Bank Islam mempunyai tanggungjawab utama untuk menguruskan risiko operasi dan aktiviti perniagaannya dengan menetapkan kecenderungan dan tahap toleransi risiko yang konsisten dengan objektif keseluruhan perniagaan Bank serta profil risiko yang diingini. Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah dibantu oleh Jawatankuasa Pengurusan bagi Kawalan Risiko untuk memastikan terdapat pengawasan berkesan terhadap pembangunan strategi, dasar, prosedur dan infrastruktur untuk menguruskan risiko Bank.

3.0 PRESTASI DANA

3.1 Saiz Dana

ISIA 2.0 ditawarkan dalam beberapa Tempoh Tawaran dan Tempoh Pelaburan yang berbeza seperti berikut:

No	Tempoh Tawaran	Tempoh Pelaburan	
		Tempoh 2 Tahun	Tempoh 3 Tahun
1	15/07/2024 – 30/07/2024	31/07/2024 – 31/07/2026	31/07/2024 – 31/07/2027
2	01/08/2024 – 10/09/2024	11/09/2024 – 11/09/2026	11/09/2024 – 11/09/2027
3	12/09/2024 – 15/10/2024	16/10/2024 – 16/10/2026	16/10/2024 – 16/10/2027
4	19/11/2024 – 24/12/2024	26/12/2024 – 26/12/2026	26/12/2024 – 26/12/2027

Pada March 2025, baki dana ISIA 2.0 telah direkodkan sebanyak RM 0.66 bilion.

3.2 Kadar Pulangan

Tempoh	Pulangan Pelaburan (ROI)1 % (p.a.)	
	Sebelum Kontribusi kepada Impak Sosial*	
	Tempoh 2 Tahun	Tempoh 3 Tahun
Januari	4.20%	4.30%
Februari	4.20%	4.30%
Mac	4.20%	4.30%

*ROI - Berdasarkan Kadar Keuntungan Dijangka (EPR) semasa pelaburan dana atau Kadar Keuntungan Sebenar (APR) (mana-mana yang lebih rendah), tertakluk kepada Terma dan Syarat.

*Sumbangan impak sosial sebanyak 2.50% daripada pulangan pelaburan ISIA 2.0 akan disalurkan sama ada kepada Zakat atau Sadaqa House.

Nota:

Untuk penjelasan lanjut, sila rujuk Risalah Pendedahan Produk (PDS), Terma & Syarat dan Notis Pengesahan Pelaburan (yang mana berkenaan).

3.3 Sejarah Kadar Pulangan




1) ROI (sebelum) - Pulangan Pelaburan (ROI)% (p.a) sebelum sumbangan impak sosial
2) ROI (selepas) - Pulangan Pelaburan (ROI) % (p.a) selepas sumbangan impak sosial

Nota: Kadar di atas adalah kadar purata pulangan dalam peratusan (%) bagi setiap suku tahunan.

3.4 Penyata Pendapatan


Penyata Pendapatan Bagi Suku Tahun Berakhir 31 Mac 2025			
	Januari	Februari	Mac
	RM'000	RM'000	RM'000
Jumlah Pendapatan Kasar	2,799	2,512	2,708
Pendapatan Boleh Agih Bersih	2,836	2,539	2,779
Jumlah yang diperuntukkan kepada Pemegang Akaun Pelaburan (sebelum kontribusi kepada impak sosial)	2,377	2,147	2,377

3.5 Peruntukan Aset Mengikut Sektor




Peruntukan aset berada dalam objektif pelaburan dan strategi yang dinyatakan.

3.6 Portfolio Pembiayaan Mengikut Bakit Tempoh Matang Aset



Sebahagian besar portfolio pembiayaan mempunyai tempoh matang lebih daripada 10 tahun. Ini akan memastikan kestabilan dalam ariran keuntungan portfolio untuk tempoh pelaburan tetap 2 tahun, yang kemudiannya boleh memberi manfaat kepada jangkaan pulangan pelaburan IAH.

3.7 Prestasi Kualiti Aset



Sehingga Mac 2025, nisbah Pembiayaan Terjejas Kasar (Gross Impaired Financing, GIF) bagi Perbankan Institusi Kumpulan (Group Institutional Banking, GIB) Bank Islam berada pada paras 1.86%, menunjukkan penambahbaikan berbanding suku-suku sebelumnya. Kadar GIF GIB yang lebih tinggi dalam beberapa suku lepas adalah disebabkan oleh kemerosotan kualiti aset dalam sektor pembinaan. GIF GIB telah menunjukkan peningkatan pada S1 2025 dan dijangka akan terus meningkat pada S2 2025 selari dengan pemulihan sektor pembinaan yang semakin stabil.

Sementara itu, portfolio Aset Asas ISIA kekal kukuh dengan kualiti aset yang mantap dan tiada tanda-tanda kemerosotan.

4.0 LAPORAN IMPAK SUMBANGAN SOSIAL

ISIA 2.0 memperkasakan pelabur untuk menggalakkan ekonomi yang positif terhadap alam sekitar yang memperkuat ketahanan alam sekitar dan mempromosikan pertumbuhan masyarakat yang inklusif, serta menggabungkan ciri unik sumbangan impak sosial. Selaras dengan objektifnya sebagai pelaburan impak, ISIA 2.0 bercita-cita untuk memberikan perbezaan yang bermakna kepada penerima manfaat yang relevan, di samping mencipta kekayaan untuk para pelabur.

ISIA 2.0 memasukkan ciri khas di mana 2.50% daripada Pulangan Pelaburan ISIA 2.0 akan disalurkan sama ada kepada Zakat atau Sadaqa House, dibayar setiap tahun, di mana Bank Islam bertindak sebagai ejen kepada IAH dalam menguruskan peruntukan dan pembayaran sumbangan Zakat atau Sadaqa House bagi pihak IAH:

Untuk Individu Muslim: 2.5% daripada keuntungan akan disumbangkan kepada Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ MAIWP) sebagai pembayaran Zakat setiap tahun.

Untuk bukan Muslim:

Individu: 2.5% daripada keuntungan akan disumbangkan kepada pemangkin perubahan yang terpilih melalui Sadaqa House.

Entiti bukan Individu: Boleh memilih untuk menyumbang kepada Sadaqa House, di mana 2.5% daripada keuntungan akan disumbangkan kepada pemangkin perubahan yang terpilih melalui Sadaqa House. Sebagai alternatif, entiti bukan Individu juga boleh memilih untuk menyumbangkan 2.5% daripada keuntungan kepada dana iTEKAD melalui Sadaqa House.

Ringkasan tentang Sadaqa House

Sadaqa House, pemacu kewangan sosial yang diiktiraf di peringkat global, mengerakkan dana filantropi seperti sedekah dan zakat untuk menghasilkan impak positif serta perubahan nyata kepada golongan yang tidak mempunyai akses perbankan serta golongan rentan dalam ekosistem ekonomi Islam yang inklusif di Malaysia.

Sejak penubuhannya pada Januari 2018 hingga Mac 2025, **Sadaqa House** telah mengumpul lebih daripada **RM57 juta** dan menyalurkan lebih daripada **RM42 juta** kepada lebih **9,500 penerima manfaat**. Sadaqa House mempunyai dua agenda teras:

Keusahawanan (merangkumi pembentukan mikro, geran dan program pembangunan): **RM3.3 juta** telah disalurkan dalam S1 2025 kepada **110 usahawan mikro**. Portfolio iTEKAD kami mengekalkan kadar kemerosotan di bawah 5%.

Pendidikan (merangkumi biasiswa dan bantuan kewangan): Dalam S1, **RM0.2 juta** telah diberikan kepada **20 pelajar** yang melanjutkan pengajian tinggi.

Sorotan Impak bagi Suku Pertama 2025Keusahawanan

Seramai **73 usahawan mikro** telah mencapai Mobiliti Sosial Ke Atas. (Nota: Mobiliti sosial ke atas merujuk kepada peningkatan ke tahap baharu dalam pertumbuhan dan pembangunan perniagaan. Ia diukur berdasarkan tiga gred iaitu: Gred 1 (menaik taraf kepada PKS), Gred 2 (peningkatan tahap kebolehpercayaan kredit), dan Gred 3 (peningkatan dalam mana-mana dimensi umum).)

Pendidikan

Sadaqa House, dengan kerjasama UPSI dan Jabatan Penjara Malaysia, sedang menaja **20 banduan terpilih (prospek)** untuk melanjutkan pengajian **Diploma Keusahawanan**—bagi melengkapkan mereka dengan kemahiran asas yang diperlukan untuk membina semula kehidupan dan mencapai kebebasan ekonomi selepas kembali ke masyarakat.

5.0 SOROTAN DAN PROSPEK PASARAN**5.1 Prospek Ekonomi**

Ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan sederhana sebanyak 4.4% pada 1Q2025, berkurang daripada 4.9% yang disemak semula pada suku tahun sebelumnya. Permintaan domestik kekal kukuh, disokong oleh faktor musim perayaan seperti peningkatan perbelanjaan semasa Tahun Baru Cina dan Ramadan. Pasaran tenaga kerja menunjukkan momentum positif, dengan pertumbuhan pekerjaan 2.9%, mengekalkan kadar pengangguran stabil pada 3.1%. Walau bagaimanapun, ketegangan perdagangan AS-China memberi cabaran kepada prestasi eksport.

Oleh kerana risiko negatif dari luar, kami mempunyai pandangan yang sedikit berhati-hati, dengan menyemak semula unjuran pertumbuhan KDNK kami kepada 4.4%, daripada 4.7% yang dianggarkan sebelum ini.

LAPORAN PRESTASI DANA INI DISEDIAKAN SEMATA-MATA UNTUK MANFAAT PEMEGANG AKAUN PELABURAN DAN TIDAK BOLEH DISALIN, DIPETIK ATAU DIRUJUK SECARA KESELURUHAN ATAU SEBAHAGIANNYA TANPA KEBENARAN BERTULIS DARI BANK ISLAM TERLEBIH DAHULU. BANK ISLAM TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS SESIAPA SAHAJA SELAIN PIHAK YANG DIKENALPASTI DALAM LAPORAN PRESTASI DANA INI BAGI MAKLUMAT YANG TERKANDUNG DALAM DOKUMEN INI

Penangguhan sementara terhadap tarif balas selama 90-hari hanya dijangka memberi kesan positif dalam jangka masa pendek. Ketegangan perdagangan disebabkan oleh tarif yang dikenakan oleh Trump terhadap rakan dagangan AS, termasuk Malaysia, berpotensi melemahkan prestasi perdagangan negara. Tarif balas dan gangguan kepada rantai bekalan global juga boleh melembapkan lagi permintaan luar dalam keadaan perlindungan yang semakin meningkat. Satu lagi sumber utama ketidaktentuan ialah perubahan dasar perdagangan oleh Presiden Trump yang kerap berubah-ubah, menyebabkan ketidaktentuan dalam pasaran global. Perubahan dasar yang mendadak ini turut menambahkan lagi ketidakpastian terhadap unjuran global bagi inflasi, dasar monetari, dan pertumbuhan ekonomi.

Namun begitu, permintaan dalam negeri dijangka kekal menjadi tunjang utama pertumbuhan. Pasaran buruh yang semakin kukuh, peningkatan kadar upah, pelaksanaan kenaikan gaji minimum, serta bantuan tunai kerajaan yang berterusan dijangka akan terus menyokong perbelanjaan pengguna dan mengurangkan sedikit sebanyak kesan negatif daripada kelemahan sektor luar.

5.2 Prospek Kelestarian & Iklim

Sebagai sebuah institusi kewangan yang telah beroperasi di Malaysia, kami telah menyaksikan anjakan paradigma dalam landskap kelestarian dan iklim negara yang telah didorong oleh kerangka kerja dasar kukuh dan dinamik pasaran yang berkembang.

Bagi membuktikan perkara ini, contoh yang boleh diketengahkan adalah Dasar Perubahan Iklim Negara (DPIN). Kerajaan Malaysia telah mengemaskini dasar yang berkaitan dengan kelestarian ekonomi iaitu daripada DPIN kepada DPIN 2.0 pada Oktober 2024 tahun lalu. Lanjutan daripada perubahan dasar ini adalah berfokus untuk menunjukkan komitmen dan harapan negara Malaysia yang kuat untuk mencapai sifar karbon bersih menjelang tahun 2050.

Disamping itu, Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) juga terus memainkan peranannya apabila Malaysia telah mempunyai pelan jangka masa panjang bagi reformasi sektor tenaga Malaysia. Disamping itu, pengubahan Akta Penangkapan, Pengunaan dan Penyimpanan Karbon (CCUS) juga telah menjadi batu penanda bagi pencapaian penting dalam pembentukan akta dan undang-undang alam sekitar pada suku tahun pertama tahun 2025. Perubahan ini dijangka akan mempengaruhi aliran pelaburan masa depan merentasi sektor infrastruktur, tenaga dan industri.

Landskap Peraturan yang Dinamik & Berkembang

Berdasarkan situasi semasa, walaupun pendedahan pelaporan kelestarian seperti data dan prestasi tidak diwajibkan kepada seluruh produk perbankan. Namun, hal tuju yang cuba telah ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) untuk pendedahan data kelestarian secara menyeluruh adalah jelas. Perkara ini boleh dibuktikan pada suku tahun pertama 2025, BNM telah mengeluarkan Dasar Pengurusan Risiko Iklim (CRMSA) yang kini telah sejajar dengan Rangka Kerja Pelaporan Kemampanan Kebangsaan (NSRF) yang telah dirancang sendiri oleh kerajaan Malaysia sendiri.

Selain itu, seluruh Institusi kewangan di Malaysia juga dijangka untuk menerima pakai dan beradaptasi kedua-dua dokumen dan panduan pendedahan kelestarian dan iklim data sama ada secara asas ataupun ekstensif berdasarkan "Task Force on Climate-related Financial Disclosures (TCFD) framework" yang telah diaudit oleh pihak ke-3.

Perubahan yang berlaku ini bakal memberikan kesan kepada institusi perbankan bagi transisi pendedahan pelaporan kelestarian alam sekitar yang lebih telus dan akuntabiliti. Perubahan ini juga secara tidak langsung, bakal mempengaruhi tatacara penilaian risiko yang berkaitan dengan iklim dan peluang (Climate-related risk and Opportunity) bagi strategi pelaburan pada masa hadapan.